

28 OCT 2003

ICLIF-LANCAR/I

DR MAHATHIR LANCAR ICLIF

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Pusat Antarabangsa Kepimpinan Kewangan (ICLIF), yang ditubuhkan bagi mempercepatkan pembangunan kemahiran pengurusan atasan bagi sektor kewangan dan perbadanan seluruh Asean, telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Diperbadankan dalam bulan Ogos 2003 sebagai syarikat berhad dengan jaminan geran sebanyak RM500 juta, ICLIF bekerjasama dengan pusat pengajian perniagaan antarabangsa dan institusi terkemuka untuk menyediakan program-program eksekutif yang telah disesuaikan dengan keperluan industri kewangan dan perbadanan.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir memuji Bank Negara Malaysia (BNM) kerana mengujudkan ICLIF sebagai pusat pengajian dan kecemerlangan di kalangan pemimpin-pemimpin di Asia.

"Saya berharap ia boleh menggabungkan idea-idea Timur dan Barat bagi mengadakan satu model yang unik untuk pembangunan kepimpinan yang boleh diguna pakai oleh kedua-dua sektor swasta dan awam," kata beliau.

"Kita kini berada pada peringkat yang menarik dalam sejarah pembangunan dan pembangunan para pemimpin amat penting bagi memapankan pertumbuhan ekonomi bukan sahaja untuk negara tetapi juga rantau ini secara keseluruhannya."

ICLIF dipengerusikan oleh gabenor BNM Tan Sri Dr Zeti Akthar Aziz dan diuruskan oleh pengarah eksekutifnya Rafiah Salim, bekas penolong setiausaha agung Sumber Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dan bekas penolong gabenor BNM.

Tiga program yang telah diperkukuhkan oleh ICLIF ialah Program Pembangunan Kepimpinan Global, Kepimpinan Teknologi bagi Program Industri Kewangan dan Forum Pengarah-pengarah Malaysia.

Lain-lain program dalam perancangan termasuklah Perubahan dalam Kepimpinan, Teknologi Perniagaan dan Pengurusan Pengetahuan, Pengurusan Risiko, Strategi Maklumat untuk Kelebihan Daya Saing dan Pembangunan Strategik untuk Kewangan Islam. -- BERNAMA

MAD TJK AA